



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

LARIAN OREN 2024 HENTIKAN KEGANASAN TERHADAP WANITA

PUTRAJAYA, 23 NOVEMBER - Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri bersama lebih tiga ribu peserta menyertai Larian Oren bagi menzahirkan sokongan terhadap kempen hentikan keganasan terhadap wanita, yang berlangsung di Dataran Gemilang Putrajaya hari ini.

Larian Oren diadakan bersempena Sambutan Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita yang disambut pada 25 November setiap tahun. Dengan tema di peringkat antarabangsa '*UNiTE! Invest to Prevent Violence Against Women and Girls*' tema ini menyeru rakyat untuk menunjukkan betapa mereka perlu mengambil berat dalam menghentikan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan. Kempen ini juga menyeru kerajaan di seluruh dunia untuk menjadikan pencegahan keganasan berasaskan gender sebagai agenda utama negara. Warna tema oren atau jingga telah dipilih sebagai lambang solidariti dalam mendokong inisiatif *UNiTE* ini.

Selain larian sepanjang lima kilometer ini, terdapat juga beberapa aktiviti seperti pameran usahawan, *food trucks*, aktiviti *giant bubbles* dan *fun aerobic zumba* serta cabutan bertuah. Peserta dengan pakaian atau tanda berwarna oren yang menyertai Larian Oren sebagai simbolik sokongan serta menzahirkan solidariti dan sokongan terhadap kempen hentikan keganasan terhadap wanita.

KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) turut menjalinkan kerjasama strategik bersama *United Nation Population Fund* (UNFPA) menerusi Kempen Oren bertujuan meningkatkan kesedaran global tentang keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan serta untuk mendorong tindakan bagi menghentikan perlakuan ini di seluruh dunia.

Melalui Kempen Oren maklumat mengenai impak negatif keganasan domestik, seksual serta pelbagai bentuk keganasan lain terhadap kesihatan fizikal dan mental wanita telah diuar-uarkan. Pendidikan tentang hak asasi manusia, khususnya hak wanita, turut disampaikan melalui kempen ini untuk memastikan orang ramai memahami bahawa keganasan terhadap wanita adalah pelanggaran hak asasi yang serius.

Kempen dalam memerangi keganasan terhadap wanita adalah satu usaha penting yang bukan hanya bertujuan untuk memberi perhatian kepada isu ini, tetapi juga untuk memperjuangkan perubahan dalam sistem sosial, politik dan undang-undang untuk memastikan wanita hidup bebas daripada kekerasan dan ketidakadilan. Selain UNFPA, turut serta dalam menyokong kempen hentikan keganasan terhadap wanita melalui Larian Oren 2024 adalah JomRun, Yayasan Kebajikan Negara (YKN), Shopee Malaysia, *Kimberly-Clark* dan *Malaysia Aviation Group (MAG)*.

Dalam menangani isu keganasan terhadap wanita, Kementerian melalui JPW terus komited melindungi wanita dan keluarga, khususnya mangsa keganasan, melalui pelbagai perkhidmatan, program dan inisiatif yang relevan. Wanita dan masyarakat perlu bijak mengambil peluang dengan melibatkan diri dengan program-program dan mengguna pakai perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan.

Kementerian turut berkerjasama dengan pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Jabatan dan Agensi dibawah KPWKM dalam menangani kes-kes keganasan terhadap wanita. KPWKM turut menyeru kepada orang ramai untuk memanfaatkan Talian Kasih 15999 yang beroperasi 24 jam setiap hari tanpa henti untuk sebarang kes keganasan terhadap wanita yang melibatkan anggota masyarakat. Orang awam juga boleh membuat aduan menerusi Whatsapp 019-2615999 dan mobil aplikasi Talian Kasih 15999.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
23 NOVEMBER 2024**